

Isu kenaikan caj elektrik

TNB cari mekanisme selesai aduan pengguna

Orang ramai tidak berpuas hati caj bil boleh fail tuntutan di tribunal

Oleh Wartawan Bisnes BH
bhbiz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) sedang mengkaji semula mekanisme bagi menangani aduan orang ramai mengenai caj bil elektrik dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata beliau dan seluruh pengurusan TNB serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli bersama-sama Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang

meneliti beberapa mekanisme untuk menangani rungutan yang disuarakan.

"Insya-Allah, doakan kami menemui jalan penyelesaiannya. Saya mengambil maklum akan keluhan kesah dan rungutan yang diluahkan oleh rakyat Malaysia setelah menerima bil berkenaan," katanya menerusi satu kenyataan di laman Facebook rasmi beliau, semalam.

Mahdzir berkata, sejarah perkembangan semasa, operasi bacaan sebenar meter TNB dimulakan kembali pada 15 Mei lalu dan bil terkini yang diterima pelanggan adalah penggunaan sebenar sejak PKP bermula.

"Adalah menjadi misi saya untuk merakatkan TNB apabila ditawarkan jawatan sebagai Pengerusi TNB oleh Perdana Menteri. Misi ini akan kekal selagi saya menyandang jawatan ini," katanya.

Sepanjang tempoh PKP, tiada



Orang ramai boleh mendapatkan penjelasan lanjut mengenai bil mereka di Kedai Tenaga.

(foto hiasan)

bacaan meter dibuat dan bil bercetak dikeluarkan, sekali gus bil bulanan dikira berdasarkan anggaran penggunaan bil bulan sebelumnya.

Kerajaan menguatkuasakan PKP melalui beberapa fasa, bermula 18 hingga 31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19 sebelum dilanjutkan sehingga 14 April, kemudian sehingga 28 April dan seterusnya sehingga 12 Mei.

Ia kemudian dilanjutkan lagi sehingga 9 Jun sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pula dilaksanakan sehingga 31 Ogos apabila penularan wabak COVID-19 semakin reda.

Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan, pengguna yang tidak berpuas hati dengan caj penggunaan elektrik semasa PKP boleh memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata langkah itu adalah alternatif selain penyaluran aduan kepada TNB dan ST.

"Isu bil elektrik semasa PKP memang dalam perhatian kita. Kita sedar ramai yang meluahkan rasa tidak puas hati. Buka fail di TTPM dengan bayaran fi RM5 dan kes akan diadili sebaiknya," katanya di Putrajaya,

semalam.

TTPM, katanya, sudah menerima dua tuntutan berkaitan bil elektrik yang difailkan pada 5 Jun lalu.

Tribunal berkenaan yang ditubuhkan pada 15 November 1999 menyediakan saluran alternatif kepada pengguna untuk membuat tuntutan ganti rugi pembelian barang atau perkhidmatan dengan kes boleh diselesaikan kurang daripada 60 hari.

Badan itu juga membolehkan pengguna memfailkan tuntutan tebus rugi terhadap pembelian barangan dan perkhidmatan yang tidak menepati apa yang diiklankan dengan amaun tidak lebih RM50,000.